

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR]

SOALAN NO. 328

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senaraikan jumlah keciciran pelajar yang telah dapat ditangani bagi tahun 2018 mengikut negeri dan peratusan mengikut punca dan sebab keciciran.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Satu program rintis yang dinamakan Program Sifar Murid Cicir (PSMC) telah dijalankan di sebuah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan lima buah Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) pada tahun 2018. Program ini dilaksanakan bagi menangani isu murid cicir dan kanak-kanak tidak bersekolah melalui intervensi berfokus dan permuafakatan antara JPN/PPD dengan pelbagai agensi, organisasi dan individu setempat.

Daripada dapatan rintis PSMC di JPN Perlis menunjukkan pencapaian 100 peratus murid cicir yang kembali ke sekolah di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. PPD Pasir Mas telah mencatat 47.1 peratus murid cicir kembali bersekolah di peringkat sekolah menengah dan 10.3 peratus di peringkat sekolah rendah. PPD Langkawi menunjukkan 39.7 peratus murid cicir yang kembali bersekolah di peringkat menengah. Bagi PPD Kluang sebanyak 19.7 peratus murid cicir di peringkat sekolah menengah telah kembali bersekolah. PPD Kulai pula menunjukkan 10.4 peratus murid cicir telah kembali ke sekolah menengah sementara 50 peratus murid cicir sekolah rendah telah kembali bersekolah. PPD Hulu Langat menunjukkan 8.6 peratus murid cicir sekolah menengah telah

NO. SOALAN: 328

kembali bersekolah. Oleh itu, sebanyak 26.1 peratus murid cicir sekolah menengah telah kembali bersekolah sementara di peringkat sekolah rendah pula adalah sebanyak 25.6 peratus murid cicir kembali bersekolah sepanjang rintis PSMC dijalankan. Jumlah murid cicir yang kembali bersekolah pada bulan Ogos sehingga November tahun 2018 adalah 1,022 orang di JPN Perlis, PPD Pasir Mas, PPD Langkawi, PPD Hulu Langat, PPD Kluang dan PPD Kulai. Hasil dapatan rintis yang baik ini telah menyebabkan PSMC diperluaskan ke semua PPD pada tahun 2019.

Antara punca keciciran yang dikenal pasti semasa rintis PSMC dijalankan adalah disebabkan oleh faktor kemiskinan, tidak berminat untuk belajar, perceraian ibu bapa, masalah disiplin, kurang kesedaran ibu bapa dan masalah kesihatan. Bagi membendung isu keciciran ini, KPM telah menambah baik kemudahan asas, memperbanyakkan program motivasi, meningkatkan kesedaran ibu bapa, mewujudkan dan memperluaskan program-program bantuan seperti menyediakan Biasiswa Kecil Persekutuan, Rancangan Makanan Tambahan dan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). KPM juga telah menyediakan pelbagai bantuan seperti pemberian buku teks secara percuma, Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Program Susu Sekolah, dan pembinaan asrama sekolah supaya semua kanak-kanak dapat kekal bersekolah serta menyediakan khidmat guru kaunselor dan guru pemulihan untuk meningkatkan minat murid untuk meneruskan persekolahan.

KPM juga telah menyediakan satu garis panduan bagi membantu murid-murid yang berisiko untuk cicir iaitu Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir di Sekolah (GPMBC). GPMBC telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 2018 ke semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Pemantauan serta intervensi pihak sekolah dapat dijalankan kepada murid berisiko cicir agar mereka kekal bersekolah hingga tamat Tingkatan 5. GPMBC ini juga mempunyai objektif bagi memastikan pemantauan murid khususnya murid berisiko cicir dapat dibuat oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah secara berterusan.